



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 60  
Bil. 12

**7hb Jun 2007**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 733.**

PEWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri mewakili kuasa kepada Pentadbir/Pendaftar Hakmilik Negeri Perak untuk membatalkan sekatan kepentingan hakmilik secara berangkai yang tidak boleh dikuarkuasakan lagi atas mana-mana sebab yang berikut:

- (a) luput tempoh pajakan salah satu hakmilik;
  - (b) berlaku pindah milik; atau
  - (c) hakmilik sambungan tidak mengandungi sekatan kepentingan yang sama.
2. Pewakilan kuasa ini tidak terpakai bagi kawasan penempatan berkelompok yang diwartakan mengikut Akta Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 [Akta 530].
  3. Pewakilan kuasa ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 6 Disember 2006.

Bertarikh 16 Mei 2007

[PTG.Pk. 35/2-239(C) PU.Pk. 67/71-20]

ABDULLAH BIN ANTONG SABRI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

## DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 13

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority delegates to the Land Administrators and Registrars of Title, Perak the power to rescind linked restrictions in interest which now cannot be enforced for any of the following reasons;

- (a) expiration of the lease period of any of the titles;
- (b) the title has been transferred; or
- (c) the title in continuation does not have the same restriction in interest.

2. This delegation of power does not apply to the group settlement areas gazetted under the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [*Act 530*].

3. This delegation of power shall be deemed to have come into operation on 6 December 2006.

Dated 16 May 2007

[PTG.Pk. 35/2-239(C) PU.Pk. 67/71-20]

ABDULLAH BIN ANTONG SABRI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

**No. 734.**

(Seksyen 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nurul Azni binti Yahaya, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam pada hari Jumaat, 29 Jun 2007 jam 10.00 pagi bertempat di Pekarangan, Pejabat Tanah, Kuala Kangsar; dan
- (b) bahawa rizab bagi maksud jualan itu ialah RM30,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Ribu sahaja) bagi G.M. 2842 Lot 98, Mukim Kampung Buaya, Daerah Kuala Kangsar dan RM20,000 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Ribu sahaja) bagi G.M. 2927 Lot 1192 Mukim Kampung Buaya, Daerah Kuala Kangsar.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM2,821,890.25.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu RM3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu sahaja) bagi G.M. 2842 Lot 98, Mukim Kampung Buaya, Daerah Kuala Kangsar dan RM2,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu sahaja) bagi G.M. 2927 Lot 1192 Mukim Kampung Buaya, Daerah Kuala Kangsar;
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar berjaya kepada gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan dalam sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kampung Buaya. No. Lot—98 dan 1192. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2842 (dahulu E.M.R. 1665 dan G.M. 2927 (dahulu E.M.R. 1261). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1141/96 Jilid 57 Folio 31.

Bertarikh 9 Mei 2007  
[PTKK/T/LA/KGB/01/07]

NURUL AZNI BINTI YAHAYA  
*Pentadbir Tanah*  
*Kuala Kangsar*

No. 735.

PEMBETULAN/CORRIGENDUM

Berhubung dengan Pemberitahuan No. 299 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 8 April 2004, gantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

With reference to Notification No. 299 published in the State of Perak Government *Gazette* on 8 April 2004, substitute the Schedule for the following Schedule:

Daripada:

Daerah/District—Kuala Kangsar. Mukim—Kg. Buaia. No. Lot Ukur/Survey Lot No.—1123. Hakmilik atau Kependudukan/Title or Occupation—G.M. 1911. Tuan Punya Berdaftar atau Penduduk Yang Direkodkan/Registered Proprietor or Recorded Occupation—Lee Thim Leng semua bhg. Keluasan Lot/Area of Lot—4115 (E.M.R.). Anggaran Keluasan Yang Akan Diambil/Approximate Area To Be Acquired—4115 (E.M.R.).

Kepada:

Daerah/District—Kuala Kangsar. Mukim—Kg. Buaia. No. Lot Ukur/Survey Lot No.—1123. Hakmilik atau Kependudukan/Title or Occupation—G.M. 1911. Tuan Punya Berdaftar atau Penduduk Yang Direkodkan/Registered Proprietor or Recorded Occupation—Ah Kow @ Lok Ah Kow 1/2 bhg. dan Wong Kim Fah 1/2 bhg. Keluasan Lot/Area of Lot—3 ekar 3 rod 16.46 pol. Anggaran Keluasan Yang Akan Diambil/Approximate Area To Be Acquired—3 ekar 3 rod 16.46 pol.

Bertarikh 10 Mei 2007

Dated 10 May 2007

[PTKK(AT) 6/2001; PTG.Pk. 177/4-20(C);

PU.Pk. 67/71-37 Jld. 4]

DATO' ABU ZAR BIN OMAR  
*Pengarah Tanah dan Galian/  
State Director of Lands and Mines  
Perak*

Hakcipta Pencetak<sup>®</sup>

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA